

## **Pemetaan literasi kesihatan dalam konteks kartografi dan sistem maklumat geografi (GIS)**

### **ABSTRAK**

Kajian literasi kesihatan menjadi semakin penting pada masa kini terutama sekali bila berlakunya pandemik secara global di dunia. Konsep literasi kesihatan yang diperkenalkan pada awal 1970-an telah banyak digunakan dalam penyelidikan penjagaan kesihatan awam sejak beberapa tahun yang lalu (Abdurrahman et al., 2017). Walaupun istilah literasi kesihatan telah berkembang pesat di Eropah Selatan, Asia dan Australia (Sorensen et al., 2012; Kondilis et al., 2008), namun masih terdapat kajian yang sangat terhad mengenai literasi kesihatan di Malaysia dan kebanyakan kajian literasi hanya tertumpu pada penyakit tertentu dan kumpulan demografi (Jasmin & Siti, 2013).